

# Palestin berhasrat memperluas kerjasama bidang pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Palestin ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Dr. Anwar H. Al-Agha.

TYT telah mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Dalam perjumpaan tersebut, Tuan Yang Terutama Dr. Anwar telah membincangkan hasratnya untuk memperluaskan lagi hubungan dan jalinan kerjasama di antara Negara Palestin dan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam bidang

pendidikan.

Tuan Yang Terutama menyuarakan keinginannya untuk melihat lebih ramai lagi pelajar dari kalangan rakyat Palestin yang akan mengikuti pengajian mereka di UNISSA, khususnya dengan adanya peluang biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Brunei Darussalam bagi Pelajar Antarabangsa.

Selain itu, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Palestin juga berhasrat untuk mengembangkan hubungan akademik di antara institusi-institusi pengajian tinggi di Palestin dengan UNISSA melalui pertukaran pelajar, pertukaran staf akademik dan juga melalui aktiviti

ilmiah menerusi seminar, persidangan, lawatan sambil belajar, dan lainnya.

UNISSA sebelum ini pernah menerima pelajar Palestin di peringkat pengajian lepas ijazah yang telah lulus menamatkan pengajiannya.

Sehari sebelumnya, dalam kesempatan yang lain, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan juga telah menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman yang baru dilantik pada 15 Februari lepas, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said.

Kunjungan Tuan Yang Terutama Haji Sulaini adalah bagi mengikuti perkembangan hubungan UNISSA dengan institusi-institusi pengajian di Oman.

Pada masa ini, terdapat tujuh pelajar UNISSA sedang mengikuti



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Palestin ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Dr. Anwar H. Al-Agha.

pengajian mereka di Oman, iaitu empat orang pelajar mengikuti pengajian di Sultan Qaboos University (SQU), di bawah program pengajian luar negara (*study abroad program*) selama setahun atau dua semester, manakala tiga orang lagi pelajar UNISSA juga sedang mengikuti pengajian intensif bahasa Arab di Sultan Qaboos College for Teaching Arabic Language to Non-Native Speakers (SQCA) selama lapan minggu.

Penghantaran pelajar UNISSA ke SQCA telah bermula sejak 2015, hasil dari perbincangan dan hubungan rapat UNISSA dengan Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam.

TYT dan Rektor UNISSA juga membincangkan inisiatif untuk

memperluaskan lagi hubungan UNISSA dengan institusi-institusi pengajian tinggi di Oman serta meneroka peluang kerjasama yang boleh dijalin melalui pertukaran tenaga akademik dan pelajar, peluang untuk menjalani latihan industri di Oman, kursus-kursus intensif bagi tenaga akademik tempatan UNISSA dan peluang penyelidikan bersama dan penerbitan bahan ilmiah.

Juga turut hadir dalam perjumpaan tersebut ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Penolong Rektor, Dr. Arman bin Haji Asmad dan beberapa orang pegawai utama UNISSA.



UNISSA semasa menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said.

## MUIB serah BND2,400 wang agihan zakat kepada mangsa kebakaran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 Februari. - Dalam usaha untuk meringankan beban mangsa kebakaran baru-baru ini, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama, menyerahkan sejumlah BND2,400 wang agihan zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran Kampung Perpindahan Lambak Kanan dan Kampung Lumapas.

Hadir untuk menyerahkan agihan zakat pada majlis yang berlangsung di Bilik Seroja, KHEU itu ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop.

Pada majlis penyampaian itu, agihan zakat yang berupa bantuan kewangan sebanyak BND400 telah diserahkan kepada dua buah keluarga yang terdiri daripada dua orang penghuni yang terlibat dalam musibah kebakaran di Kampung Perpindahan Lambak Kanan pada 31 Januari 2017.

Penerima bantuan agihan wang zakat tersebut ialah Awang Haji Mahdini bin Haji Mahri, dan Awang

Haji Mahadi bin Haji Mahri yang masing-masing menerima sebanyak BND200.

Manakala pemilik rumah yang terlibat dalam musibah kebakaran Kampung Lumapas pada 9 Februari 2017, Awang Muhammad Tarip bin

Abd. Ghani dan isteri menerima sebanyak BND2,000 serta bantuan alat-alat persekolahan untuk anak-anak beliau.

MUIB berharap, agihan wang zakat itu dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa dan dalam masa yang sama menyeru kepada mereka supaya lebih berhati-hati serta berwaspada dalam menjaga keselamatan anggota keluarga daripada ditimpa musibah.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop menyerahkan agihan wang zakat kepada penerima.

## NBD jalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Saint Kitts and Nevis

Siaran Akhbar :  
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail.

Sementara itu, Kerajaan Saint Kitts and Nevis diwakili oleh Wakil Tetap Saint Kitts and Nevis ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Sam T. Condor.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail.

Sementara itu, Kerajaan Saint Kitts and Nevis diwakili oleh Wakil Tetap Saint Kitts and Nevis ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Sam T. Condor.

## Kerja pengorekan dijalankan

Siaran Akhbar : Jabatan Laut

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 Februari. - Pelaut-pelaut diingatkan kerja-kerja haluan pengorekan telah bermula pada bulan Disember lalu hingga 31 Mac tahun ini.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Laut, kerja pengorekan tersebut akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Kawasan-kawasan yang terlibat ialah di perairan Tanjung Kerasik, Sungai Dowo Besar, perairan negara ini.

Kapal bernama Jin Hwa digunakan bagi pengorekan itu selain bot penunda, tongkang dan *landing craft*.

Pemasangan boya-boya dan papan tanda terapung akan disediakan sebagai isyarat amaran.

Peta Laut yang terlibat : BA 2134.